

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 10, 2019 3:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pengukuhan Modul Program Inkubator Usahawan Kreatif Utara (UCI)



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM CAS

BENGKEL PENGUKUHAN MODUL PROGRAM INKUBATOR USAHAWAN KREATIF UTARA (UCI)



UUM ONLINE: Seramai 13 peserta menyertai "Bengkel Pengukuhan Modul" Program Inkubator Usahawan Kreatif Utara (UCI) yang berlangsung pada 28 Februari hingga 2 Mac di Fave Hotel, Langkawi.

Lapan orang mentor terdiri daripada pensyarah dan staf Universiti Utara Malaysia (UUM) antaranya Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin; Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar (PPA UUM CAS), Dr. Bahtiar Mohamad; Timbalan Pengarah Institut Pembangunan Usahawan dan Koperasi (CEDI), Dr. Jauriyah Shamsuddin dan Penolong Pegawai Tadbir CEDI, Yamin Rongka terlibat dalam menjayakan bengkel ini.

Antara yang dibincangkan pada bengkel ini ialah pembangunan modul dan meneliti program-program UCI yang akan berlangsung sepanjang tahun 2019.

UCI adalah program pengalaman berasaskan 'dunia perniagaan sebenar' yang berupaya memberi pendedahan kepada bakal usahawan kepada konteks perniagaan.

Menerusi program ini, bakat dan potensi pelajar di dalam industri seni kreatif akan dikembangkan secara sistematik melalui program UCI yang terancang sehingga berupaya menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Program yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui kerjasama CEDI dan PPA CAS akan berjalan selama 12 bulan sehingga Disember 2019.

Program ini merupakan yang kedua diadakan selepas program pertama yang berakhir pada Oktober 2017 lalu.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.